

06 OCT 1998

Mahathir-Saham/I

JANGAN CARI UNTUNG SEGERA DI PASARAN SAHAM, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati para pelabur pasaran saham supaya tidak mencari keuntungan segera di pasaran saham kerana ia tidak sihat bagi perniagaan dan negara.

Beliau berkata para pelabur harus mengekalkan saham-saham mereka sebagai pelaburan jangka panjang dan menunggu sehingga indeks saham meningkat sebelum memutuskan untuk menjualnya.

"Hanya kerana anda dapat untung beberapa sen...tunggu indeks naik (diharapkan) kepada 500 atau 600 (mata). Pada masa itu ketika anda menjual, anda akan mendapat lebih banyak wang," katanya semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-52 Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) di sini.

Sambil menyeru para pelabur saham tempatan, beliau berkata mereka harus menghargai pasaran saham dan syarikat-syarikat yang mereka labur sebagai hak mereka.

Beliau berkata mereka harus saling bantu membantu kerana apabila pasaran saham meningkat, masalah-masalah pinjaman tidak berbayar dan kemampuan memenuhi panggilan margin akan hilang.

"Kemudian kita boleh menjalankan perniagaan dan menjadi kaya sekali lagi. Kami mahu anda mendapat keuntungan besar seperti yang sering saya katakan, jika anda mendapat keuntungan, 28 peratus daripadanya akan pergi kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa kesulitan yang sedang dihadapi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah akibat penyusutan ringgit oleh spekulator-spekulator matawang yang memberi kesan kepada nilai syarikat-syarikat tersenarai.

"Percayalah, syarikat-syarikat kita adalah syarikat-syarikat yang kukuh. Sebelum krisis ini, semuanya mendapat keuntungan besar dari RM100 juta hingga kepada RM2 bilion seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Telekom Malaysia," katanya.

Akan tetapi syarikat-syarikat ini mengalami masalah kerana tekanan-tekanan oleh spekulator asing, kata beliau.

Beliau berkata kerajaan mahu mengadakan suasana mesra perniagaan kerana apabila sektor perniagaan mencatat pencapaian yang baik, mereka akan membantu negara dan rakyat ke arah kesejahteraan.

Malangnya, Bank Negara di bawah bekas gabenor memutuskan untuk tidak mesra kepada ahli-ahli perniagaan, sebaliknya memilih untuk mesra dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), katanya.

Jadi, IMF yang cuba untuk menindas ekonomi negara memberitahu bank pusat supaya menaikkan kadar faedah, memendekkan tempoh pinjaman tidak berbayar daripada enam bulan kepada tiga bulan dan membuat berbagai-bagai perkara lain seperti meletakkan had 15 peratus kepada pertumbuhan kredit.

Beliau berkata ini memberi masalah kepada masyarakat perniagaan sehingga banyak daripada mereka tidak dapat meminjam kerana kadar faedah pada suatu masa adalah setinggi 24 peratus.

Dalam usaha untuk memulihkan ekonomi, beliau berkata kerajaan terpaksa mengubah semuanya sehingga memaksa bekas gabenor bank pusat meletakkan jawatan.

"Kami tidak menyesal kerana beliau telah merosakkan ekonomi negara, sebenarnya Menteri Kewangan yang terdahulu bekerjasama rapat dengan gabenor dalam mengikut telunjuk IMF," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengubah semua pendirian bank pusat kerana tanggungjawab bank pusat adalah untuk membantu ekonomi tumbuh dan tidak melemaskannya.

Berikutan daripada dasar-dasar dan tindakan yang berbeza yang kini diambil oleh kerajaan, ekonomi hari ini berjalan dengan baik dengan rizab asing dan imbalan perdagangan meningkat, katanya.

Dr Mahathir berkata lebih ramai orang kini mula meminjam dari bank untuk menjalankan perniagaan mereka dan cergas semula dalam operasi perniagaan mereka.

"Kami tentunya mahu rakyat meminjam untuk menjalankan perniagaan yang baik, dan bukan menggunakan wang mereka untuk berjudi," katanya secara berseloroh.

Beliau berkata dengan penghantaran balik dana ringgit bernilai RM12 bilion dari luar negara adalah hasil daripada langkah-langkah pengawalan matawang berpilih kerajaan, kini terdapat modal tempatan yang mencukupi bagi tujuan pinjaman.

-- BERNAMA

OPP CJ JR OS